

# Pengerat hubungan pekerja, majikan

## ► KTSP anjur sambutan Hari Keluarga

UB 30.12.2017 B8

**SANDAKAN:** Sempena dengan ulang tahun ke-55 Kumpulan Syarikat KTS, anak syarikatnya KTS Plantation Sdn Bhd (KTSP) telah menganjurkan Hari Keluarga baru-baru ini.

Hari Keluarga ini dianjurkan sebagai menghargai ketekunan dan kesetiaan kakitangan serta pekerja KTSP.

Acara ini telah dihadiri seramai 250 orang pekerja KTSP serta ahli-ahli keluarga mereka termasuk wakil dari Jabatan Perhutanan Sabah (SFD).

Pelbagai aktiviti diadakan pada Hari Keluarga berkenaan seperti permainan bolasepak, sukaneka dan senaman aerobik.

Dengan lebih daripada 80 peratus pekerjanya telah


berkhidmat di syarikat lebih daripada lima tahun, acara ini juga bertujuan mengeratkan lagi hubungan antara pekerja dan pengurusan.

Dalam amanat daripada pengurusan yang dibacakan oleh Pengurus Perladangan Paul Liau, "KTS percaya bahawa pekerja adalah aset yang paling penting kepada syarikat.

"Pengurusan KTS amat menghargai kesetiaan pekerja dalam berkhidmat kepada syarikat.

"Sejak berdekad lamanya, KTSP telah mencapai beberapa pencapaian yang membanggakan dalam amalan pengurusan hutan dan telah menjadi petanda aras kepada seluruh FMU di Sabah.

"Terima kasih kepada



**PENGERUSI** program Lt Kol Andreas Apoi menyampaikan ucapan pembukaan.

komitmen dan kerja keras pekerja," katanya menambah, pengurusan KTS dan pekerja telah membentuk sebuah pasukan yang telah mencapai pelbagai pencapaian yang cemerlang.

Antara pencapaian membanggakan adalah Anugerah Perdana Menteri Hibiscus bagi Pencapaian Ketara dalam Pengurusan Alam Sekitar.



**KUMPULAN** Hijau muncul juara keseluruhan Hari Keluarga KTSP 2017.



**SESI** senaman aerobik bersama semua kakitangan dan pekerja KTSP.

KTSP adalah perintis FMU (Unit Pengurusan Hutan) yang dianugerahkan dengan dua pensijilan, ISO 14001:2004 (Sistem Pengurusan Alam Sekitar)

dan Kriteria dan Indikator Malaysia (Hutan Semulajadi) sejak 2005 dan 2009.

Prestasi mereka juga diiktiraf oleh SFD dan menjadi antara penerima

anugerah Sijil Pematuhan tahunan jabatan ini.

Turut hadir, dua pelajar pasca siswazah dari Universiti Malaysia Sabah (UMS), yang telah menjalankan penyelidikan mereka dalam pengajian hidupan liar di sana.

Seorang daripada pelajar ini, Lee Woon Jah berkata bahawa acara ini telah mencapai objektifnya.

"Daripada pandangan saya, ini adalah langkah yang baik oleh pengurusan KTSP untuk membina hubungan yang baik antara mereka dari semua peringkat," katanya.

Acara tahunan ini diakhiri dengan jamuan malam penghargaan dan dihiburkan dengan persembahan daripada para pekerja.



**ANAK-ANAK** kepada pekerja KTSP turut serta dalam acara itu.



**PEKERJA-PEKERJA** KTSP bersemangat ketika mengikuti aktiviti senaman aerobik.



**PETER** Tiong (kanan) meraikan kemenangan pasukan mereka.



**SALAH** satu daripada permainan sukaneka yang diadakan.



**PESERTA** sedia untuk acara tarik tali.